



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM 2014

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

UNDANG - UNDANG KECIL PENJAJA

(MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM) 2013

J.P.U....

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], **Majlis Daerah Simpang Renggam** membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan tarikh berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Simpang Renggam) 2014 dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Dasar-dasar, pekeliling dan lain-lain

(3) Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Yang Dipertua atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut dan sesuai dan dipersetujui oleh Yang Dipertua hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

Tafsiran

2. (1) Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain --

“gerai” termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak-peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa jua jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau didalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

“gerai berkunci” ertinya gerai yang dibina oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana badan kerajaan atau badan berkanun yang dikelaskan sebagai demikian oleh Yang Dipertua;

“kenderaan” termasuklah apa-apa kereta yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuk gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, kereta, van, lori, vesel bot atau rakit yang dipadankan atau digunakan bagi maksud menjaja;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Simpang Renggam;

“makanan” termasuklah apa-apa barang yang digunakan sebagai makanan atau minuman oleh manusia;

“penjaja” termasuklah penjaja beredar, statik atau sementara;

“penjaja beredar” ertinya seseorang yang dengan atau tanpa kereta pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, membahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“penjaja sementara” ertinya seseorang yang mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis di petak yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua;

“penjaja statik” ertinya seseorang yang mendirikan gerai secara tetap di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepong atau tidak, yang dikhas atau diperuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam dengan sah disisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

Larangan menjaja tanpa lesen

3. Tiada seorangpun boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini.

Permohonan lesen

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk bertindak sebagai penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Jika permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Yang Dipertua hendaklah meminta pemohon memberi dua keping gambar fotonya berukuran passport dengan mana pemohon boleh dikenali.

(3) Lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(4) Tiap-tiap lesen, selain daripada yang dikeluarkan kepada penjaja beredar, hendaklah berkenaan dengan tapak atau tapak-tapak tertentu.

(5) Tiap-tiap lesen hendaklah ditentukan –

(a) tempoh sahnya lesen itu, tempoh itu hendaklah tidak lebih daripada enam bulan berakhir sama ada pada 30hb. Jun atau 31hb. Disember;

(b) jenis makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual;

(c) had-had, syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkan oleh Yang Dipertua patut dikenakan.

(6) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(7) Yang Dipertua boleh, menurut budibicaranya, enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(8) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis, kereta atau gerai yang dilesen, dan hendaklah menunjukkan lesen itu bila dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

(9) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Yang Dipertua apabila lesen itu tamat tempohnya, dibatalkan, dipotong atau digantung.

(10) Lesen tidak boleh dipindahmilik.

Ukuran gerai

5. (1) Tiada suatu gerai lain daripada gerai yang dibina oleh Yang Dipertua atau mana-mana badan kerajaan atau badan berkanun boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua secara bertulis dan hendaklah beratap sebagaimana diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada suatu petak-peraga dinding boleh melebihi ukuran tiga puluh enam desimeter kali lapan belas desimeter kali tiga desimeter.

Pemegang lesen tidak hadir

6. (1) Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai atau petaknya, melainkan jika ia tidak dapat hadir atas sesuatu sebab yang munasabah.

(2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaannya di gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, ia hendaklah melantik seorang penama mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis dari Yang Dipertua.

(3) Yang Dipertua tidak boleh, kecuali dalam hal keadaan yang difikirkannya patut, memberi sesuatu kelulusan di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (2) undang-undang kecil ini bagi sesuatu tempoh lebih daripada tiga bulan.

(4) Jika seorang penama bertindak bagi pihak seorang pemegang lesen di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah terletak ke atas penama tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran undang-undang kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.

(5) Bayaran sebanyak dua puluh ringgit hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang penama.

Larangan

7. (1) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya-

- (a) dalam lingkungan sembilan meter dari simpang jalan;
- (b) dalam lingkungan tiga puluh desimeter dari pili bomba; atau
- (c) di atas tangga, kakilima atau tempat lapangan awam yang berturap melainkan dibenarkan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu perjalanan lancar lalulintas kereta dan pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki.

(3) Tiap-tiap penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua berkenaan dengan penempatan gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya.

(4) Tiap-tiap penjaja sementara hendaklah memindahkan dari petak atau tapaknya, gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya

pada waktu perniagaan ditutup tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam, mengikut mana yang berkenaan.

(5) Seorang penjaja hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

Penjaja beredar

8. Tiada seseorang boleh bertindak sebagai penjaja beredar di mana-mana jalan atau di mana-mana tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Kereta sorong

9. Kereta sorong yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar dan atapnya atau kajang di atasnya tidak boleh lebih panjang daripada tiga desimeter dari mana-mana bahagian kereta sorong itu.

Kereta

10. Jika kereta digunakan oleh penjaja beredar, ukuran atau bentuk kereta itu hendaklah mengikut sebagaimana diluluskan oleh Yang Dipertua.

Penjaja beredar hendaklah berpindah-pindah

11. Penjaja beredar tidak boleh tinggal tetap di sesuatu tempat kecuali pada waktu ia sebenarnya menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu ia tidak sebenarnya berbuat demikian ia hendaklah sentiasa berpindah-pindah.

Pemeriksaan doktor

12. Tiap-tiap penjaja hendaklah dikenakan pemeriksaan doktor mengikut sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua.

Kebersihan

13. (1) Tiap-tiap penjaja hendaklah menjaga -
(a) dirinya dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih; dan

(b) gerai atau keretanya dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan sihat dan hendaklah dicat atau mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengarahkan supaya mana-mana gerai atau kenderaan milik penjaja ditutup dan perniagaan dihentikan serta merta sekiranya pada pendapat pegawai tersebut gerai atau kenderaan didapati kotor.

Kayu api tidak dibenarkan

14. Penjaja tidak boleh menggunakan kayu api di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

Tong sampah hendaklah diadakan

15. Tiap-tiap penjaja hendaklah mengadakan tong-tong sampah atau bekas-bekas yang cukup sebagaimana yang diperlukan sebagai tempat mengisi sampah.

Sampah pepejal yang basah

16. Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum diletakkan dalam tong sampah.

Pelupusan sampah

17. Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaja mengikut cara yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

Tumpahan bahan busuk

18. Tiada seorang penjaja boleh menyebabkan atau membenarkan diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air masin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau di atas mana-mana tempat awam lain.

Bayaran

19. Bayaran yang kena dibayar bagi suatu lesen hendaklah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

Lesen salinan

20. Suatu lesen salinan akan dikeluarkan sekiranya lesen yang asal itu hilang dengan bayaran dua puluh ringgit.

Bayaran carian

21. Bayaran carian bagi mana-mana lesen hendaklah sebanyak sepuluh ringgit dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

Penalti

22. Seseorang yang bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah Undang-undang Kecil ini dan seseorang yang setelah diberi lesen oleh Yang Dipertua di bawah Undang-undang Kecil ini bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Penyitaan

23. (1) Apa-apa barang yang dicadang atau didedahkan untuk jualan, bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertai dan juga gerai atau kereta kepunyaan atau jagaan orang yang berlesen atau tidak berlesen untuk bertindak sebagai penjaja yang tidak mematuhi apa-apa peruntukan di bawah Undang-undang Kecil ini boleh disita oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan di tahan disitu atas risikonya.

(2) Apa-apa barang tak tahan lama yang disita di bawah perenggan (1) undang-undang kecil ini boleh dilupuskan pada bila-bila masa mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(3) Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan sekiranya berlaku kepada barang atau benda yang disita dalam masa mengalihkannya dan semasa dalam jagaan Yang Dipertua.

Tuntutan ke atas barang-barang yang disita

24. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah undang-undang kecil 23, tidak termasuk barang-barang tak tahan lama, boleh menuntut barang-barang itu daripada Yang Dipertua dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh barang-barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua dan tertakluk kepada pembayaran bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga:

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan itu dalam tempoh satu bulan yang dinyatakan itu, Yang Dipertua boleh melupuskan barang-barang itu tujuh (7) hari selepas tamat tempoh tahanan tersebut, mengikut cara yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

Pemansuhan

25. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) apabila Undang-undang Kecil ini mula berkuatkuasa, Undang-undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Kluang Selatan) 1982 yang telah diwartakan melalui J.P.U 69 tahun 1983 (selepas ini disebut Undang-undang Kecil termansuh) hendaklah terhenti berkuatkuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walau apapun perenggan (1) –

- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-undang Kecil termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-undang Kecil ini;
- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-undang Kecil termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuat kuasa Undang-undang

Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah undang-undang kecil termansuh seolah-olah Undang-undang Kecil ini tidak dibuat;

- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa perlantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah undang-undang kecil termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini, sehinggalah perlantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

JADUAL PERTAMA

(Undang-undang kecil 8)

1. Semua tempat letak kereta awam.
2. Semua perhentian bas, stesen bas dan tempat teksi.
3.
 - (a) 200 meter dari sempadan kawasan sekolah / kolej
 - (b) 100 meter dari sempadan kawasan pejabat Kerajaan
 - (c) Di dalam rumah dan kawasan rumah kediaman
 - (d) Di jalan-jalan masuk dan di jalan utama kawasan perumahan
 - (e) Bahu-bahu jalan yang melibatkan kawasan berumput landskap taman atau siarkaki.
 - (f) Dalam kawasan taman permainan dan rekreasi
 - (g) Jalan-jalan yang diisytiharkan sebagai jalan protokol
 - (h) Mana-mana lorong belakang, lorong tepi dan lorong-lorong susur
 - (i) Kawasan berhampiran lampu isyarat.
 - (j) Persimpangan jalan.
 - (k) Atas jambatan/jejantas.

JADUAL KEDUA

(Undang-undang kecil 19)

BIL	JENIS PENJAJA	KADAR LESEN	
		Minimum	Maksimum
		Sebulan (RM)	
1.	Penjaja Beredar	20.00	50.00
2.	Penjaja Statik	30.00	100.00
3.	Penjaja Sementara	30.00	100.00

JADUAL KETIGA

(Undang-Undang kecil 24)

BIL	JENIS SITAAN	KOS	
		Minimum	Maksimum
1.	Memindahkan gerai atau barang-barang.	50.00	200.00
2.	Memindahkan kenderaan (selain lori)	100.00	500.00
3.	Memindahkan lori kurang daripada 3 tan	350.00	800.00
4.	Memindahkan lori melebihi 3 tan	500.00	1000.00
5.	Bayaran menyimpan gerai atau barang-barang atau kenderaan	RM10.00 sehari bagi tempoh simpanan tidak lebih daripada 7 hari dan RM20.00 sehari kemudian daripadanya.	

Bertarikh :

[MDSR/UNDG/01(A)(XLI).Jld.1]

HAJI ABDUL KARIM BIN ABU BAKAR

Yang Dipertua

Majlis Daerah Simpang Renggam

Disahkan :

[K.T. 24/69 Jld.9(21); PUNJ. Bil.(PU2)7 Jld3 (54)]

SHUBANAH BINTI YUSUF

Jurutulis

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor